

KEN DONE, PELUKIS KONTEMPORARI TEKSTIL

RAINAL HIDAYAT WARDY

93870948

IJAZAH SARJANA MUDA SENIREKA TEKSTIL

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM, SELANGOR

1997

PENGHARGAAN.

Khas ditujukan kepada keluarga tersayang, ibu dan ayah yang telah banyak memberi dorongan serta galakan dalam membiayai segala kos pembelajaran dan juga bagi menyiapkan Tesis ini.

Sekalung budi dan jutaan terima kasih kepada Puan Zaliha Shaari, pensyarah Jabatan Senireka Tekstil yang telah banyak memberi galakan serta pandangan yang baik.

Teristimewa kepada Puan Zaleha Zainuddin, Ketua Kursus Jabatan Senireka Tekstil, yang telah banyak memberikan sokongan dalam apa jua cadangan serta sokongan dalam menyiapkan Tesis ini. Puan, hancur badan dikandung tanah, budi yang baik akan tetap saya kenang selama lamanya.

Kepada Puan Zaharah Ahmad Osman, dan semua pensyarah - pensyarah Jabatan Senireka Tekstil, En.Sulaiman Ghani, Puan Basitah Taif, En. Azman Mohammed dan Puan Norwani Nawawi.

Kepada semua kakitangan bengkel Jabatan Senireka Tekstil, En. Makmor serta En. Rahman.

Kepada kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak , ITM Shah Alam, rakan-rakan seperjuangan serta Amart (pi raa..)

Terima kasih.

SINOPSIS.

Dewasa ini perkembangan seni dan rekacorak di Malaysia boleh dikatakan mencapai satu tahap yang membanggakan. Galakan dari Kerajaan, Badan badan swasta serta inisiatif individu merupakan faktor revolusi perkembangan seni tanah air.

Tidak lama dahulu, kewujudan program Rakan Muda (Rakan Seni Kreatif) di bawah Kementerian Kesenian dan Pelancongan, membuka tirai dalam memberi pendedahan kepada golongan belia/remaja khasnya serta masyarakat amnya serba sedikit dapat menaikkan martabat seni tanah air. Usaha ini harus diberi pujian.

Seni catan merupakan salah satu aktiviti seni yang menarik minat penulis untuk menghasilkan Tesis ini. Dengan minat yang mendalam serta nasihat dan bimbingan dari pensyarah, penulis memilih tajuk “KEN DONE PELUKIS KONTEMPORARI TEKSTIL”

Tujuan

Tujuan penghasilan Tesis ini adalah untuk memberi pendedahan dalam perkembangan seni khususnya seni catan kontemporari. Penulis juga ingin mencari alternatif baru dalam penghasilan ide menerusi pemerhatian dan penghayatan karya-karya Ken Done ini.

Isi Kandungan.

Hal.

SELAYANG PANDANG	i
HALAMAN PEMERIKSA	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
ISI KANDUNGAN	vi

BAB SATU

Pendahuluan.....	1
Kewujudan seni catan.....	2
Catan kontemporari	4

BAB DUA

Profil Artis.....	5
-------------------	---

BAB TIGA

3.1) Catan.....	9
3.2) Lukisan.....	11
3.3) Cetakan.....	13
3.4) Poster	13

BAB EMPAT

Interpretasi.....	16
4.1) Interpretasi karya-karya catan.....	17

Pendahuluan.

Setiap orang menyadari tentang banyak perkara yang berlaku dalam perkembangan seni dewasa ini. Hanya sebut sahaja tentang perkara yang kita boleh fikirkan dan akhirnya kita dapati yang ianya telah wujud sebagai karya seni. Air, udara, api, cahaya, bahan-bahan buangan dan sebagainya digunakan sebagai media atau elemen kepada artis untuk meluahkan tentang apa yang ingin disampaikan.

Tanpa mengira berapa luas definisi seni, hakikatnya catan di atas kanvas masih wujud dan ianya masih menjadi sebahagian dari karya seni. Penulis mengkaji perkembangan aktif seni catan dan sumbangannya dalam dunia seni dari tahun 1965 ke atas. Seperti karya-karya seni yang lain, seni catan merupakan sebahagian daripada dialog yang berhubungkait dengan diri kita.

Catan moden tidak bermula dari 20 atau 50 tahun dulu, tetapi apabila kita undur ke belakang, kita akan dapat mengenalpasti sejarah manusia itu sendiri. Dari pengkajian, penulis mendapati bahawa catan-catan di negara-negara Barat telah mengalami revolusi semenjak zaman Paleolitik lagi. Dan sekali lagi jika kita perhatikan ke arah perkembangan seni, revolusi ini merupakan sesuatu yang menimbulkan reaksi serta **PENOLAKAN.**